

## KAD DEBIT-i BANK ISLAM VISA MAIWP PERKASA GOLONGAN ASNAF MELALUI PERBANKAN DIGITAL YANG SELAMAT DAN INKLUSIF

**KUALA LUMPUR, Rabu [16 Julai 2025]:** Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam atau Bank) dengan kerjasama Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) melancarkan Kad Debit-i Bank Islam Visa MAIWP sebagai salah satu usaha untuk menggalakkan keterangkuman kewangan dan menyokong penyertaan yang lebih meluas dalam masyarakat yang semakin digital.

Inisiatif ini mencerminkan komitmen bersama kedua-dua pihak untuk memperkasa golongan rentan melalui penyelesaian perbankan yang selamat dan praktikal bagi meningkatkan martabat serta akses kewangan komuniti asnaf di Wilayah Persekutuan.

Ia melibatkan penggantian secara berperingkat kad Bank Islam sedia ada bagi hampir 30,000 penerima bantuan kewangan MAIWP. Selain asnaf di bawah MAIWP, Kad Debit-i Bank Islam Visa MAIWP ini turut ditawarkan secara eksklusif kepada warga kerja dan anak syarikatnya termasuk PUSRAWI, PPZ-MAIWP, Yayasan Taqwa, Kolej Profesional Baitulmal Kuala Lumpur, Kolej Universiti Antarabangsa MAIWP (UCMI) dan MAIWP Healthcare.

Kad ini menyediakan akses yang selamat kepada dana MAIWP di samping menawarkan kemudahan tambahan melalui pilihan untuk memautkan akaun Tabung Haji (TH). Ciri-ciri ini membolehkan pengguna untuk memindahkan dana daripada akaun simpanan MAIWP ke Akaun Simpanan atau Semasa Bank Islam (CASA-i) Bank Islam mereka, seterusnya meningkatkan fleksibiliti kewangan dan urus niaga yang mudah.

Ketua Pegawai Perniagaan Kumpulan Bank Islam – Perbankan Runcit, Mizan Masram, menyatakan penghargaan kepada MAIWP atas kepercayaan berterusan institusi berkenaan terhadap Bank Islam dan peranan yang dimainkan Bank dalam menyampaikan penyelesaian berimpak berteraskan teknologi kepada masyarakat. Inisiatif ini merupakan satu langkah ke hadapan dalam menjadikan penyampaian bantuan lebih bermaruah, selamat dan bersedia menghadapi masa hadapan.

"Kad Debit-i Bank Islam Visa MAIWP mencerminkan komitmen berterusan Bank Islam dan MAIWP dalam memupuk ekosistem kewangan yang inklusif yang menekankan pemerkasaan, ketelusan, dan daya tahan komuniti jangka panjang. Direka dengan keutamaan kepada kesederhanaan dan kebolehcapaian, kad ini menawarkan fungsi perbankan penting serta berperanan sebagai platform digital yang selamat bagi penyaluran bantuan kewangan, membolehkan penerima menerima, mengurus dan menggunakan dana mereka dengan lebih efisien," katanya.

Pengenalan kad debit juga menggalakkan keterangkuman digital dengan membolehkan penggunaan kemudahan perbankan mudah alih serta meluaskan akses kewangan kepada golongan yang sebelum ini mungkin tidak mempunyai akses kepada perkhidmatan perbankan formal.

Mizan menambah, "Dengan menggantikan pemberian wang tunai secara terus dengan penggunaan kad debit yang selamat, penyelesaian ini juga mengurangkan risiko kecurian, penipuan dan penyalahgunaan, di samping menggalakkan amalan kewangan yang bertanggungjawab. Pemegang kad boleh memantau transaksi mereka, mengurus perbelanjaan peribadi dan mengambil bahagian secara lebih aktif dalam ekonomi digital, sama ada untuk perbelanjaan harian, pembayaran bil utiliti atau pembelian keperluan."

Kad Debit-i Bank Islam Visa MAIWP akan mula ditawarkan di cawangan Bank Islam di Wilayah Persekutuan yang terpilih mulai 17 Julai 2025.

---

### **Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad**

Bank Islam adalah institusi perbankan Islam pertama di Malaysia yang disenaraikan di Papan Utama, Bursa Malaysia Berhad. Ditubuhkan pada bulan Julai 1983, Bank Islam mempunyai 135 cawangan dan lebih 900 terminal layan diri di seluruh negara. Sebagai institusi perbankan Islam lengkap dan tulen, Bank Islam menyediakan penyelesaian perbankan runcit dan kewangan korporat yang mematuhi undang-undang dan prinsip Syariah dengan ketat. Bank Islam komited terhadap kemakmuran lestari dan nilai-nilai ESG dan merupakan peserta rasmi Rangkaian Kompak Global Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Malaysia dan Brunei. Anak-anak syarikat utama Kumpulan Bank Islam, BIMB Investment dan BIMB Securities menawarkan pelbagai perkhidmatan kewangan Islam, termasuk pelaburan dan pembrokeran saham. Untuk maklumat lanjut mengenai produk dan perkhidmatan kumpulan Bank Islam, layari [www.bankislam.com](http://www.bankislam.com).

Sila e-mel ke Hubungan Media Kumpulan Bank Islam di [media@bankislam.com.my](mailto:media@bankislam.com.my) untuk mendapatkan maklumat tambahan.